

**UNTUK SIARAN SEGERA**

## **Sime Darby Property Diiktiraf Atas Usahanya Dalam Menerajui Biodiversiti Bandar di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2024**

- Syarikat meraih Anugerah Perak dalam Kategori Alam Sekitar untuk Pusat Ilmuan Hutan Hujan Tropika Elmina (*Elmina Rainforest Knowledge Centre*);
- Anugerah tersebut mengiktiraf projek yang memberi sumbangan besar kepada literasi alam sekitar dan pemuliharaan biodiversiti bandar serta mempunyai impak positif terhadap industri hartanah.

**ARA DAMANSARA, 31 MEI 2024** - Sime Darby Property Berhad ("Sime Darby Property" atau "Syarikat") telah diiktiraf atas usahanya dalam menerajui biodiversiti bandar di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2024 di Singapura.

Pusat Ilmuan Hutan Hujan Tropika Elmina (*Elmina Rainforest Knowledge Centre* atau "ERKC"), meraih Anugerah Perak dalam Kategori Alam Sekitar, yang mengiktiraf sumbangan Syarikat kepada literasi alam sekitar dan pemuliharaan biodiversiti bandar serta impak kemampuan positifnya terhadap industri hartanah Malaysia.

Dianjurkan oleh Fédération Internationale des Administrateurs de Bien-Conselis Immobiliers ("FIABCI"), FIABCI World Prix d'Excellence Awards mengiktiraf projek-projek yang memperkenalkan kecemerlangan dalam semua disiplin hartanah yang diguna pakai dalam pembangunan mereka.

"ERKC memperkenalkan dedikasi kami untuk memelihara, memulihara dan mengukuhkan ekosistem yang sihat di semua perbandaran dan pembangunan kami", kata Pengarah Urusan Kumpulan Sime Darby Property, Dato' Azmir Merican. "Tujuan ERKC dibangunkan termasuk memupuk biodiversiti bandar melalui tindakan pemuliharaan, penyelidikan dan pembangunan bersepadu," tambahnya.

Terletak di Bandar Elmina, ERKC yang berkeluasan 1.09 ekar merupakan pusat sehenti untuk penyelidikan perhutanan, pemuliharaan, pendidikan alam sekitar, rekreasi, ekopelancongan dan pelbagai inisiatif kelestarian lain. ERKC menyelia pendekatan integrasi untuk perancangan perbandaran, mengimbangi keperluan masyarakat dan kesihatan ekosistem.

Terletak di dalam Taman Pusat Elmina seluas 300 ekar dan bersebelahan dengan Hutan Simpan Bukit Cherakah seluas 2,700 ekar, EKRC telah dilancarkan pada Oktober 2020 dengan kerjasama *Tropical Rainforest Conservation and Research Centre* ("TRCRC").

Projek ini telah pun membawa hasil yang memberangsangkan dalam usaha pemuliharaan, dengan penanaman 187 spesies tumbuhan, termasuk 35,000 benih dan 10,000 anak-anak pokok di *Elmina Living Collection Nursery* ("ELCN"). Kebanyakkan anak benih dan anak pokok yang ditanam di ERKC telah dibawa ke kawasan-kawasan lain di Selangor untuk usaha pemuliharaan. Lebih daripada seribu anak benih dan anak pokok tersebut telah ditanam berhampiran Empangan Klang Gates di sepanjang Sungai Klang. Inisiatif ini berada dalam landasan yang baik bagi mencapai objektif Syarikat untuk menanam 50,000 pokok yang disenarai merah oleh Kesatuan

Antarabangsa untuk Pemeliharaan Alam Semula Jadi (*International Union for Conservation of Nature* atau "IUCN") menjelang 2030.

Tambahan kepada pemuliharaan alam sekitar, ERKC dan ELCN telah menjadi pusat tumpuan bagi penglibatan dan pendidikan komuniti, dengan menganjurkan pelbagai program yang menggalakkan kesedaran mengenai isu alam sekitar serta penyertaan aktif dalam usaha pemuliharaan. Kumpulan minat komuniti (*community interest group*) 'The Friends of ERKC' merupakan contoh terbaik bagi inisiatif ini, dengan menarik lebih 10,000 ahli, termasuk pelajar, pendidik dan wakil daripada pelbagai badan korporat dan pihak berkuasa.

Sime Darby Property kekal komited dalam Visinya untuk Memajukan Bidang Hartanah Sebagai Daya Usaha Untuk Perkembangan Bersama, Serta Memulihara Sumber Planet. "Biodiversiti bandar melangkaui bukan sahaja flora dan fauna; ia mengenai kesihatan persekitaran kita dan kesannya terhadap semua bentuk kehidupan. Anugerah ini menekankan usaha kami dalam menghubungkan komuniti dan alam semula jadi untuk meningkatkan kehidupan dan kesejahteraan manusia serta kesihatan planet," kata Dato' Azmir.

"Ribuan terima kasih kepada pihak FIABCI kerana mengiktiraf potensi kami, dan kami akan terus menyampaikan kebolehidupan dan kelestarian melalui pembangunan kami untuk manfaat semua pihak," tambah Dato' Azmir.

#### **-TAMAT SIARAN-**

##### **Mengenai Sime Darby Property Berhad**

Dengan pengalaman lebih daripada 50 tahun, Sime Darby Property menerajui pembangunan komuniti terancang, menetapkan penanda aras bagi kualiti, inovasi dan kemampuan dalam projek-projek kediaman, bersepadu dan bertingkat tinggi di 25 perbandaran dan pembangunannya di seluruh Malaysia.

Di kala peralihan kepada sebuah syarikat harta tanah menjelang 2025, Sime Darby Property memacu segmen perindustrian dan logistik di Elmira Business Park, Bandar Bukit Raja, Bandar Hamilton Nilai, dan Zon Ekonomi Khas Pagoh. Sime Darby Property juga merupakan pemaju harta tanah tersenarai awam pertama di Malaysia yang mewujudkan dana pembangunan dalam sektor perindustrian dan logistik untuk mendorong portfolio pendapatan berulangnya.

Syarikat telah berikrar untuk mencapai pelepasan karbon Sifar Bersih menjelang 2050 berpandukan sasaran berasaskan sains untuk mengehadkan kenaikan suhu global kepada 1.5°C. Sebuah organisasi yang menjuarai usaha-usaha pemeliharaan biodiversiti, Sime Darby Property merupakan konstituen MSCI ACWI Small Cap Index bertaraf MSCI ESG BBB, dan dinilai oleh Carbon Disclosure Project.

Sebagai sebahagian daripada konsortium Malaysia yang berjaya membangunkan semula Battersea Power Station yang ikonik di United Kingdom, Sime Darby Property juga memiliki Kuala Lumpur Golf & Country Club yang telah memenangi pelbagai anugerah serta menjadi tuan rumah kepada acara berprestij Maybank Championship yang diselia oleh LPGA.

Didorong oleh Matlamatnya untuk menjadi Pengganda Nilai kepada Masyarakat, Perniagaan, Ekonomi, dan Planet, Sime Darby Property melalui badan dermawannya, Yayasan Sime Darby, kekal aktif mencipta impak sosial yang positif untuk semua lapisan masyarakat.

Sime Darby Property diiktiraf di peringkat dunia dengan kemenangan Emas dan Perak di FIABCI World Prix d'Excellence Awards 2023, dengan pencapaian-pencapaian membanggakan lain, termasuk All-Stars di StarProperty Awards 2023, kedudukan Platinum dalam kategori Pembangunan Hartanah di Putra Brand Awards 2023, Anugerah 10 Pemaju Terbaik (Malaysia) di BCI Asia Awards 2023, Anugerah Pilihan Rakyat di PropertyGuru Asia Awards Malaysia 2023, serta dinamakan sebagai salah satu daripada tiga pemaju harta tanah terbaik Malaysia di 'The Edge Malaysia's Top Property Developers Awards 2023'.

Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.simedarbyproperty.com](http://www.simedarbyproperty.com)

Kontak Media: Alia Mior Azhar | +6010-433 4268 | [alia.miorazhar@simedarbyproperty.com](mailto:alia.miorazhar@simedarbyproperty.com)

Untuk pertanyaan lanjut, sila emel: [group.communications@simedarbyproperty.com](mailto:group.communications@simedarbyproperty.com)